

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI
PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT**

DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2

PADA HARI ISNIN, 11 JUN 2012

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 2, BANGUNAN PARLIMEN
KUALA LUMPUR**

ISNIN, 11 JUN 2012

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir:

YB. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin
[Menteri Pengajian Tinggi] - *Pengerusi*
YB. Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]
YB. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]
YB. Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]
YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Che Seman Pa Chik [Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)]
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Kementerian Pengajian Tinggi

Encik Mohamad Onn bin Abd. Aziz [Penasihat Undang-undang]
Encik Raja Adnan bin Raja Ibrahim [Ketua Penolong Setiausaha
(Bahagian Perancangan dan Penyelidikan)]
Encik Syed Zahiruddin bin Wan Alshagaf [Penolong Setiausaha]
Encik Rujhan Mustafa [Ketua Pengarah]

Jabatan Alam Sekitar

Puan Halimah Hassan [Ketua Pengarah]
Puan Norlin binti Jaafar [Pengarah Bahagian Penilaian]
Dr. Tan Beng Hoe [Setiausaha Bahagian
(Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Alam Sekitar)]
Puan Norhayati binti Mohamad Yusof [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penilaian]

(samb/-)

HADIR BERSAMA (*samb/-*)**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**

Encik Abang Othman bin Abang Yusof [Timbalan Setiausaha Bahagian Industri]

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom

YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan [Ketua Pengarah]

Encik Hasnadi Hassan [Pengarah Perlesenan Tenaga Atom]

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah [Pegawai Khas (Lembaga Pelesenan Atom)]

Cik Nazuha binti Mohd Jai [Pegawai Undang-undang]

Encik Hamrah bin Mohd Ali [Pengarah]

Puan Suhana Jalil [Penolong Pengarah]

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri

YBhg. Dato' Abd. Majid bin Kutiran [Pengarah Kanan Bahagian Dasar,
Sektoral dan Hal Ehwal Pelaburan]

Puan Mastura binti Ahmad Mustafa [Pengarah Bahagian Dasar,
Sektoral dan Hal Ehwal Pelaburan, Seksyen Dasar Sektoral II]

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)

Puan Kang Lay Kim [Pengarah Kanan Industri Bersumber]

Cik Chai Siew Foon [Pengarah Bahagian Industri Tekstil dan Mineral Bukan Logam]

Encik Yeoh Hock Eng [Pengarah Bahagian Industri Kimia]

Puan Masni Muhammad [Timbalan Pengarah Bahagian Industri Kimia]

Puan Normi Alias [Timbalan Pengarah Bahagian Logistik dan Operasi Serantau]

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Encik Tan Lai Seng [Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan]

Kementerian Kesihatan

Dr. Haji Daud Abdul Rahim [Ketua Sektor Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar]

Dr. Ahmad Riadz bin Mazeli [Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Kesihatan Pekerjaan]

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Encik Ahmad Fauzi bin Awang [Pengarah (JKKP Pahang)]

Kementerian Kewangan

Encik Mohammad Khairul Nazri bin Ghazali [Penolong Pengarah Belanjawan]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KELIMA****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa II, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****ISNIN, 11 JUN 2012*****Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.07 tengah hari***

[Yang Berhormat Dato' Seri Khaled bin Nordin
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas mengenai Projek *Lynas Advanced Material Plant*, Dewan Rakyat, Parlimen Kedua Belas. Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah, Setiausaha Dewan Rakyat merangkap Setiausaha Jawatankuasa Pilihan Khas, wakil-wakil daripada kementerian dan juga agensi-agensi kerajaan, pegawai-pegawai Parlimen seterusnya tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Terutama sekali, izinkan saya untuk mengalu-alukan kehadiran semua hadirin yang dapat hadir pada mesyuarat hari ini. Pada 7 Jun lepas, Jawatankuasa telah mengadakan mesyuarat bagi membincangkan Laporan Jawatankuasa dan pada mesyuarat tersebut juga Jawatankuasa telah meminta beberapa penambahbaikan dilakukan terhadap laporan berkenaan.

Jadi pada hari ini Jawatankuasa akan menimbangkan laporan tersebut untuk dijadikan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek Lynas Advances Material Plant (LAMP) untuk dibentangkan ke Dewan Rakyat pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen Kedua belas ini. Laporan tersebut akan mula diedarkan ke Dewan Rakyat pada 18 hari bulan. Perbahasan dijangka pada hari 19 hari bulan berikutnya.

Pada 19 hari bulan itu juga adalah hari terakhir Jawatankuasa Pilihan Khas ini yang telah berlangsung selama tiga bulan ini. Komitmen dan kerjasama dari semua pihak amatlah dihargai. Okey, perkara pertama kandungan apa semua tidak ada masalah ya? Apa yang kita hendak pinda itu hari yang kita hendak buat penambahbaikan saya ingat ini saya serah pada sekretari.

■1210

Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]: Saya pun hendakkan bantuan sedikit daripada pihak AELB walaupun hari yang *last day* itu kita sudah *updated most of* perkara-perkara yang dalam beberapa perenggan. Akan tetapi yang terkini ada AELB *email* untuk kita kemas kini mungkin boleh dimaklumkan kepada mesyuarat. Dato' Raja? *Because* benda ini baru.

Tuan Pengerusi: Ada tidak, *which one?*

Datuk Roosme binti Hamzah: Tolong - yang masuk, baru sampai.

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah [Pegawai Khas Ketua Pengarah (Lembaga Perlesenan Tenaga Atom)]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalammualaikum*, Ahli-ahli Yang Berhormat PSC. *Actually* Tuan Pengerusi, minta maaf, *I didn't bring the list of our corrections, it was submitted to...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Yes, yes. Maksud I, you* kenal pasti *what are the things* yang *you* bagi yang *latest* sekali melalui *email*.

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah: Boleh tidak minta *recess* sekejap Datuk?

Datuk Roosme binti Hamzah: *Yes. Sekejap.*

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah: *Okey, thank you.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Okey, okey. Tidak mengapa Dato'. Yang itu yang terkini yang baru kita terima melalui email yang urus setia sudah updatelah. But, particularly which clause itu I think AELB will take a bit of our time di sinilah. Yang penting mungkin Tuan Pengerusi, kita hari itu memaklumkan bahawa antara perkara yang kita hendak update ialah sama ada kita hendak masukkan satu senarai ataupun senarai gambar lawatan. So, hari itu kita ada masukkan di lampiran 3, kalau Tuan Pengerusi tengok (iii) itu, ada tambahan lampiran 3 gambar lawatan kerja ke LAMP. Hanya hendak dapat consent dan endorsement daripada Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli, kita ada banyak gambar-gambar yang berkaitanlah, it is here with urus setia.*

Hanya kita punya *selection* gambar itu hendak menggambarkan nampak sikit *what is the project is all about*, nampak sedikit dari segi kilang itu. *Then* nampak Ahli-ahli berjalan menunjukkan tempat itu selamat. *Then*, satu lagi gambar *waste*, tempat penyimpanan *waste*, kalau dipersetujui. Kalau tidak, di sini ada *the whole picture*lah sama ada kita hendak gambar-gambar lain yang mungkin Ahli-ahli Jawatankuasa cadang adalah gambar yang lebih sesuai. Mungkin kita hendak letakkan *part* itu – kita buat edaranlah pada Ahli-ahli untuk hendak *confirm* dari segi persetujuan.

Tuan Pengerusi: *Okey, lagi? Tidak mengapalah, gambar itu saya ingat that's not-* asalkan kita dapat masuk beberapa gambar cukup.

Datuk Roosme binti Hamzah: Hanya Tuan Pengerusi, yang penting hari itu yang belum kita dapat bincang bersama ialah khususnya kepada rumusan, yang *the last chapter* itu. Mungkin Ahli Jawatankuasa hendak melihat rumusan yang telah dibuat dan dapat *feedback* daripada *Members*lah.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat pun telah ada bangkit beberapa perkara. *I hope you can look into the things that you highlighted* dan memang pindaan telah dibuat. Kita rasa kita tidak mungkin hendak *go all over again*. Saya percaya pindaan telah dibuat kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Hanya yang besar ialah seperti kata Datuk Roosme, soal pandangan dan syor Jawatankuasa dan rumusan yang besar. *Is there anything before we go to the big rumusan?* Adakah semua perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat telah dimasukkan sebelum rumusan, *the other things?*

Seorang Ahli: Syor.

Tuan Pengerusi: *The syor, pemerhatian apa semua. Kalau tidak ada, then we can go straight to the rumusan. Saya percaya semua itu perkara yang kita memang sudah pun itu. I'm checking also apa yang kita bincang dulu.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Of course, antara yang Tuan Pengerusi minta kita ambil maklum, pakar-pakar yang kita telah jumpa, kalau Tuan Pengerusi lihat muka empat, kita sudah listkanlah. Mr. Jack Liffen, Mr. Allistair Neil, Profesor Chun, Mr. Christopher Wilham, Dr. Meor Yusuf. Ini kita dapat daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk perkara yang sudah kita highlight. Kita pun sudah masukkan dalam status latar belakang Lynas yang ada introduction to TOL Tuan Pengerusi. Kalau page 7, Tuan Pengerusi lihat tentang latar belakang, kalau tidak latar belakang itu hanya maklumat yang kita dapat daripada lesen pengambilan MITI. Di para 12 itu adalah introduction kepada TOL.*

Tuan Pengerusi: Okey.

Datuk Roosme binti Hamzah: Jawatankuasa mengambil maklum. Yang itu pun Jawatankuasa minta kita *highlight* dari segi untuk mengemaskinikan kedudukan TOL.

Tuan Pengerusi: Okey, saya tengok *page* 61, yang perkara 24 itu memang itu yang kita hendak ya. 1% perbelanjaan R&D daripada jualan kasar syarikat, 5% daripadanya untuk melaksanakan aktiviti R&D di selia oleh sebuah jawatankuasa yang akan ditubuhkan. Manakala 50% lagi diselia oleh AELB. Okey. Kita sudah masuk. *So, maknanya now the big rumusanlah. Muka surat 65. Rumusan Jawatankuasa. Ada komen?*

Kita berpuas hati berdasarkan fakta saintifik, takrifan undang-undang, apa semua dan kita berpuas hati LAMP memenuhi semua itu. Pada masa yang sama LAMP menyediakan sistem kawalan, maka kita syorkan LAMP dibenarkan beroperasi sementara. Kita mengesyorkan satu Jawatankuasa Pemantauan dibentuk. Itu hari kita hendak badan bukan kerajaan ini supaya dia yang kemukakan pakar bertauliah. Bukan *any* NGO. NGO ya tetapi ia bukan maknanya kalau ia tidak bertauliah, ia bukan pakar, yang itu kita khuatir. *So, macam mana ini? Kita kata NGO itu ia menamakan pakar tauliah. NGO itu – this one I would like to get opinion of the Members.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *And also* daripada AELB mungkin Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sudah ada ini, agensi yang berkaitan serta penglibatan badan-badan bukan kerajaan melalui pakar-pakar mereka. Kita tidak hendak ia *just send any politician*kah, apa. Itu *I think* Yang Berhormat Teng juga bangkit.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Ya.

Tuan Pengerusi: AELB juga bangkit.

Tuan Teng Boon Soon: Ya.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Maybe* kita dapat input daripada AELB, *because* ini kita bersetuju bersama dengan agensi. Dato' Raja, Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Muka surat 65, syor kita. Itu hari semasa kita kata wujudkan satu Jawatankuasa Pemantauan, kita kata libatkan NGO tetapi kita ada bincang NGO itu bukan *anybody* yang dia hendak letak tetapi dia punya *expert*. *He must be an expert and competent*. Betul tidak? Ataupun *you don't mind if they just send anybody, even the politician inside this Monitoring Committee*. Perkara lima.

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan [Ketua Pengarah (Lembaga Perlesenan Tenaga Atom)]: Tuan Pengerusi, *if you look* - Jawatankuasa ini hendaklah dianggotai oleh agensi berkaitan serta penglibatan badan-badan bukan kerajaan dan pakar bertauliah. *I think that qualifies what we meant that they should have the necessary qualifications*.

Tuan Pengerusi: Pakar bertauliah *another one*. *But, what we are discussing, whether the NGO bila dia nominate, dia nominate itu orang yang pakar ataupun you can accept anybody yang macam itu hari yang datang memang sudah ada itu*.

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Tuan Pengerusi, dalam Jawatankuasa kami ini pun ada yang tidak ada *knowledge on nuclear science*.

Tuan Pengerusi: *So, you want to accept them?*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *We still accept them*.

Tuan Pengerusi: *So, this Jawatankuasa Pemantau pun boleh?*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *So, NGO kalau ada pun we still accept them*. Kalau *social science*, dia pihak berkepentingan tetapi *will be limited* dia punya *understanding* nanti.

Tuan Pengerusi: *So, its okey?*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *I think it should be okey. For the sake of transparency, sebenarnya*.

■1220

Tuan Pengerusi: Okey. So, tidak ada masalah?

Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: *So, it's better kalau di atas ini tidak pakar pun benda itu*.

Puan Halimah Hassan [Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar]: Tuan Pengerusi, *it's okay because dia represent as the NGO itself*. Dia pakar kah tidak pakar tetapi *normally in the technical they will get the pakar lah, but the NGO is actually important*.

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *The other point is dalam Jawatankuasa ini they are very vocal. If they think you are out of line, they will tell there are out of line*. Yang ini. *It is because based on facts and standards*.

Tuan Pengerusi: Okey. Okey ada apa-apa lagi yang kita rasa ada...

Datuk Roosme binti Hamzah: *Apart from badan-badan bukan kerajaan (NGO's), Jawatankuasa ini juga dianggotai oleh pakar-pakar bertauliah dalam agreeable from...*

Tuan Pengerusi: Pakar bertauliah ya?

Datuk Roosme binti Hamzah: Pakar bertauliah itu *is different from...*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Pakar bertauliah dia ada *credential from either DOE* ataupun AELB *and this are the things*.

Tuan Pengerusi: Tidak, kita tidak ada masalah;.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Pengerusi, saya hendak minta pemikiran dari ahli jawatankuasa adakah perlu juga kita masukkan sesuatu rumusan tentang TOL kerana memang setakat ini kita hanya keluarkan TOL, luluskan TOL bagi operasi sementara selama dua tahun. Nampaknya dalam rumusan itu kita tidak sentuh langsung tentang TOL. Adakah perlu?

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ini nombor 4 ada. Nombor 4 ini sudah *mention*. Jawatankuasa mengesyorkan agar projek LAMP dibenarkan beroperasi sementara.

Tuan Pengerusi: Ya, sudah ada. *Because we are satisfied with the security and safety...*

Dato' Zulkifli bin Noordin: Mungkin kena spesifik sedikitlah sebab kita telah campur, operasi sementara dan TOL kah apa. Tidak. Kita punya Jawatankuasa pun tidak nampak.

Datuk Roosme binti Hamzah: Dato' Raja, mungkin kita hendak *amend that* para, *page 4 is it okay?* Jawatankuasa.. *Sorry*. Para 4, *page 65* - "*Syorkan agar projek LAMP dibenarkan operasi sementara...*" yang *just now...*

Tuan Pengerusi: Melalui pengeluaran lesen TOL.

Dato' Zulkifli bin Noordin: TOL. Mengikut syarat yang ditetapkan.

Tuan Pengerusi: *Just put that one.* "Melalui pengeluaran lesen TOL".

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *I can elaborate further.* Lesen pengilangan – pengoperasian sementara. *That is the full title of the license.*

Tuan Pengerusi: Nama, nama.

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Ia bukan, ia tidak panggil TOL *actually*, ia adalah perkilangan pengoperasian sementara.

Tuan Teng Boon Soon: *So, the time frame two years?*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Ia memang dua tahun pun *and then* boleh dilanjutkan.

Tuan Pengerusi: Kita tidak payah sebut, *imposed* sahajalah kita serah pada agensi lah. Kita *just say* sementara, *it's up to them*.

Datuk Roosme binti Hamzah: Nanti minta Dato' Raja bagi urus setia *the correct term*.

Tuan Pengerusi: So, semua sekali ada 31 syor daripada kita. So, boleh terima? Semua setuju ya? Kita macam mana prosiding di Parlimen 18 hari bulan bentang *and then 19 debate*. Lepas *debate* ada...

Datuk Roosme binti Hamzah: *Then*, petang itu diputuskan.

Tuan Pengerusi: Ada hendak jawab..., tidak ada?

Datuk Roosme binti Hamzah: Jawab. Tuan Pengerusi, petang itu katalah sampai pukul berapa...

Tuan Pengerusi: Ada hendak gulung lagi?

Datuk Roosme binti Hamzah: Yes.

Tuan Pengerusi: Mesti gulung?

Datuk Roosme binti Hamzah: *That's why* masa itu semua *ministry stand by*, perkara-perkara dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kita *speak* kepada Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi jawab dan usul itu perlu diluluskan sama ada melalui belah bahagian, sebulat suara ataupun...

[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah: Yes. Thank you Tuan Pengerusi. Just to actually inform Ahli-ahli Yang Berhormat PSC bahawa AELB sebenarnya membuat banyak *editing*, bukan *editing just- editorial amendments rather than substantive amendments*. The only thing saya hendak cuba *highlight*kan, satu sahaja bahawa di seksyen C – Memperkasakan agensi...

Tuan Pengerusi: What page?

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah: Page 48, about memperkasakan AELB. We would like to propose...

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Nanti sekejap...

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah: Under section C, number 9.

Tuan Pengerusi: 46, yang kuning. Ya, okey.

Datuk Roosme binti Hamzah: Yang kuning.

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah: 46, number 9. We would like to propose, cadangkan supaya diberhentikan ayat itu selepas 'secara khas'. *It is because previously it says, 'bagi membolehkan AELB menjalankan peranannya dengan lebih berkesan dan kompeten', but we think that phrase will not be very helpful because it may give the wrong impression that AELB is not competent at this point seperti I think Datuk...*

Datuk Roosme binti Hamzah: Itulah. So, 'secara khas', selepas itu yang lain buang ya. Okey.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Boleh.

Datuk Roosme binti Hamzah: Boleh sahaja.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Apa salahnya. Kurang lagi.

Seorang Ahli: Seolah-olah tidak kompeten ya?

Tuan Pengerusi: Nanti mereka tafsirkan begitu.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Di peringkat rumusan ini, saya tidak mahu 'the end' nya dengan jawab *the main* dakwaan seperti Jawatankuasa berpuas hati, dakwaan bahawa Lynas tidak boleh beroperasi tidak betul...

Datuk Roosme binti Hamzah: Yang itu mungkin Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi: Semua itu ada dalam itu.

Datuk Roosme binti Hamzah: Kalau Yang Berhormat lihat pada pandangan dan syor, setiap pandangan dan syor itu dimulai dengan satu keadaan. Contohnya, (A) - Aspek keselamatan. Tahap dedahan sinar adalah merupakan kebimbangan yang utama oleh orang ramai. So, bawah itu barulah Jawatankuasa... [Disampuk] Yes. Selepas itu, setiap perkara itu ada kebimbangan.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Saya tidak jumpa ini yang berkaitan dengan *residue waste management in China*.

Datuk Roosme binti Hamzah: *Residue...*

Dato' Zulkifli bin Noordin: Sedangkan *argument* mereka kata di China...

Datuk Roosme binti Hamzah: *I know*. Kita minta Prof. Badrul dapatkan yang China itu, *but* dia beri kita yang...

Tuan Pengerusi: Keadaan-keadaan yang dilakukan di UK dengan itu.

Datuk Roosme binti Hamzah: Itu input. Dia masukkan yang itu bawah *residue*. Aspek pengurusan *residue*, page 59.

Tuan Pengerusi: *It is because* orang itu bukan *expert* dari segi *residue*. Oleh sebab itu dia tidak jawab.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Betullah dia tidak *expert* tetapi dia sebut. Dia *qualify* kata dia bukan *expert* tetapi dia *mention*...

Datuk Roosme binti Hamzah: Saya minta Prof. Badrul *on that portion*. So, semasa hari itu dia minta rujuk *this part*. Nanti sekejap.

Tuan Teng Boon Soon: *In fact, his statement has quite an impact*.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Tidak ada pun. *No, because whether he – he admitted that he is not an expert, but he passed that remark that China no longer practice it. So, we have to answer it somewhere*.

Tuan Pengerusi: *It is not here?*

Dato' Zulkifli bin Noordin: Tidak nampak. Itu sebab *I* cari tidak jumpa-jumpa.

Datuk Roosme binti Hamzah: Ya. Tidak, saya minta Prof. Badrul *insert the China thing*, tetapi dia – *instead* dia beri *portion* yang...

Dato' Zulkifli bin Noordin: *We must answer that because expert or not, he is a well known, renown scientist in this area and he made that statement. Like it or not, he made that statement*.

Tuan Teng Boon Soon: *No doubt he is not waste expert, but he is rare earth expert*.

Dato' Zulkifli bin Noordin: *He made that statement. We cannot deny it. We cannot close an eye on that statement... [Disampuk] Yes, it carries some weight. I mean, they will spin that statement. We have to answer it somewhere*. Itu saya ingatkan tadi hendak letak di rumusan, *why* China tidak praktis *this residual management*.

Tuan Pengerusi: Page 29 pun dia ada rujukan kepada pengurusan *residue*. Ini yang dia gunakan pendekatan jawab dengan membawa keadaan yang berlaku di UK dan sebagainya. Dia

tidak menjawab secara spesifik di China. Itu sahaja dan apa yang akan berlaku kalau *residue* itu tidak dapat dihasilkan tujuan guna semula dan sebagainya. Bagaimana ini Dato' Raja? *What...*

Tuan Teng Boon Soon: *Ya. I agreed with Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. This one need to be mention also in the rumusan because this has become a major issue of debate and also concern by the public after the statement made by the Chinese expert in rare earth.*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *Tuan Pengerusi, I know Prof. Badrul is not here tetapi we can quote to you IAEA safety guidelines which allows a growth construction. Although we take note that China tidak buat benda itu. In fact, muka surat 29, 32(i), potensi penggunaan semula residue untuk kegunaan landfill berasaskan untuk jalan, car park dan sebagainya, we have put- in fact, Profesor telah letak di sini, Laporan Health Protection Agency, Centre of Radiation, itu yang pertama. Then Kertas Kerja Gypsum di Worldwide Annual Lakeland Regional. There is another one also which we can put is the IAEA punya guidelines, GSR 1 and we can quote that IAEA membenarkan to be use for benda-benda ini.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *I know, but my concern here is this. China is controlling 97% of the market. Professor Han is the expert on rare earth, he did made that statement that China no longer practice this waste management through recycling. So, do we have an answer to that, why China is not recycling it?*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *We may get into a bind Yang Berhormat. Kalau kita komen on the China itu, sebabnya ia terlampau banyak residue itu, kadang-kadang ia tidak buat apa-apa. Dibuang sahaja. So, you want to comment on that?*

■1240

Dato' Zulkifli bin Noordin: *No, no. It is because now...*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *Akan tetapi kita tidak boleh. It is because it is depends on standard that they used.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *...What was the reason why the China... Was it commercial punya...*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *Dia tidak ada keperluan. There is no keperluan.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Why cannot we put it here? It is to show that they are no longer practicing this recycling because they wanted to use it for some other purposekah, dia hendak extract torium itukah, dia nak menjadikan public waste sahajakah.*

Tuan Pengerusi: *To be fair mungkin kalau kita hendak jawab we have to be very certain. Akan tetapi one thing that we know here the residue you wanted to – we have three ways to deal with the residue. But if you are very certain in China the residue buang begitu sahaja. Then we just say...*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Are you sure that?*

Tuan Pengerusi: *Dia tidak buat apa-apa. Dia buang begitu sahaja.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Is that the practice?*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Dia ada dua cara. Kalau torium dia itu terlampau banyak, dia *extract*. Akan tetapi kalau torium itu *not feasible*, dia buang sahajalah. *But* kita mesti *respect the sovereignty* of itu. *It is because* dia punya *law does not allow it to be done*.

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Not the question of sovereignty. Simple question, why did China abandon, the word used was abandon. No longer practicing this recycling.* Itu sahaja.

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *Cuma it comes from a non-experts who is not the authority on that.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Not politically good answer.*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *I know.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *It will kill us.*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *The scientist Yang Berhormat. So, I have to see dia punya credentials, dia punya paper.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *So, what is the reason, the valid reason why China...*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *I can only put conjectures.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Tidak ada siapa boleh contact Profesor Han itu untuk tanya dia why did he made that statement.*

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: *Tuan Pengerusi on the residue issue because since the Australian already committed they are willing to bring back to Australia. Then people may asked why we never suggest since this is so controversial, why we never suggest it to be bring forth back to Australia in our rumusan. Since they have already committed.*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *Tuan Pengerusi, if I may. Dia punya stand has always been they would like to sell the residue. So, that is because we don't. It is because we know that they are going to sell dia punya residue. So there is no question on the returning. Unless dia punya R&D failed totally then they would not be able to... [Disampuk] Lynas. Yes. So that is why in the first place, we do not ask them to return because they are very confident that they would be able to recycle, reutilize, commercialized. This has been their steps. Never change.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *They will telling us China pun dah abandon you all are still practicing this and they quote this professor. So how we are going to answer?*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *This professor is not an expert.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *That is the only answer? Not good.*

Tuan Teng Boon Soon: *It is because to them, to the public is fine at the time he is not the expert in waste management as far as where else is concern. But he is an expert of rare earth. So the public perception is that the rare earth expert make that kind of statement, there must be some reasons. China has been a pioneer in producing rare earth for the past 30 years. Based on the weight on that fact so I think the opposition will make this a bone of contention, a very major issue. It is because it has become a major concern with the public as it is known. If you judge from the newspaper coverage, up to today, this one of the major concern how you manage the residue.*

We have to mention it somewhere. We have to make a view, take a view as how the committee has look at the matter of waste management. If you just keep quite, then they will say that you are avoiding the issue.

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *Tuan Pengerusi, I was also at the conference. The same experts are also said China had made a lot of mistakes in dealing with the residue. Somebody asked him why did you just throw you punya waste away? That is why. Then dia kata it is between having food on the table and throwing the waste. We are developing country. Itu dia punya jawab.*

So we cannot quote him like that in that context. Kalau kita cakap macam itu we are also developing country. Kita pun make a lot of mistakes along the way. So dia pun - but the press did not pickup what he said masa itu. They have made a lot of mistakes; they threw their waste without putting safety first.

Tuan Liang Teck Meng: *But then Dato', they say they are so confident in commercializing the product. Do they have potential buyer who is giving and willing to give undertaking and they willing to buy a certain amount of it.*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *Yes in fact for the gypsum sahaja they have a huge.*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *WLP. In fact the WLP is actually gypsum sebenarnya. But the gypsum contains thorium. So if they can bring it down.*

Tuan Liang Teck Meng: *Is that our local company?*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *No, it is Thailand.*

Tuan Teng Boon Soon: *Bolehkah kita syorkan. Kita syorkan, adakah diterima oleh Lynas atau boleh di dipraktikkan atau tidak itu soal yang lain. Bolehkah kita syorkan kepada Lynas bahawa waste ini, residue ini di commercializekan kepada siapa-siapa ataupun pasaran antarabangsa dan sebagainya. Kita syorkan.*

Tuan Pengerusi: *Let us look back again. Di China maknanya residue itu dia tidak ada buat apa-apa. Dia tidak recycle. Whether because it is dangerous ataupun memang kerana dia tidak ada buat R&D ataupun dia memang tidak memerlukan benda itu.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *That is exactly what we want to know.*

Tuan Pengerusi: *Itu yang kita hendak tahu, okey. If we can itu. Di sini kita telah syorkan mengikut cadangan syarikat, dia hendak recycle. Okey, dan kita tahu kita menggunakan this laporan Health Protection Agency yang Professor Badrul bagi. Kita gunakan itu untuk tentukan kalau dia hendak recycle, it is according to the standard. Kita sudah ada. Then we also syor supaya residue itu di pantau oleh AELB.*

Okey, dalam keadaan kita tidak ada jawapan tepat apa yang dilakukan di sana dan apa asas China tidak pakai that residue. Kita kata AELB you got to pantau. Kalau kita berpendapat

bahawa ianya memudaratkan *then we go* perkara 2, *we got to* simpan dalam *permanent* ataupun *exports*. *So it is depends on AELB* punya itu.

So this is our syor. It is because we do not have any answer from the China punya itu. Kalau kita boleh tahu China itu kerana apa, *then at least we can just say in China it may not be because of benda itu dangerous*, mungkin ada sebab lain. Mungkin kita buang sahaja..

Dato' Zulkifli bin Noordin: *That is exactly my concern. Why can't we get some answer from China?*

Seorang Ahli: Mungkin tidak ada *official quality*.

Tuan Pengerusi: Mungkin dia pun tidak ada mengikut apa-apa *standard*. *We do not know. That is why mesti buat kajian. To be fair rather than just – that is why we need to explain.*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *Now Tuan Pengerusi, he was not an expert. In fact in the AIEA GSG satu classification of radioactive waste ini, dia kata another management opsyen for the waste within this class we, the authorizer used of the material for road construction. Dia memang tahu. So, by international standards it is allowed. Whether it is a not practice by China – tapi there is a lot of things also not practice by China, by international standards. Ini yang...*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Can we say convincingly that it is not practice by China but it has nothing to do with health or environmental problem. Can we say that?*

Tuan Pengerusi: *Unless you want to look into the person who said it.*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Tidak boleh.

Tuan Pengerusi: *He is not an expert.*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Dia memang sudah cakap *he is not expert*.

Tuan Pengerusi: *He is only expert in other things.*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Yes.

Tuan Pengerusi: *So maybe just one line I can give if benda itu timbul.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: Sepatutnya dia tidak usah buat pun *statement* itu. Akan tetapi dia buat. Itu *problemnya* pun.

Puan Hajah Nancy Shukri: Tuan Pengerusi, *when you talking about China abandoning it, how does China abandon it, is there any specific...*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *No, the statement by Professor Han is that China no longer practice recycling of this residue. That has been spin by them.*

Puan Hajah Nancy Shukri: *But how do they handle it?*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *So they are giving the impression that it is because of health environmental problem. That is not the case. The case is they did not practice recycling. Why? Ini yang kita hendak minta jawapan dia.*

■1250

Puan Hajah Nancy Shukri: Cuma kita takut Tuan Pengerusi...

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *It could be, but can we get the answer?*

Puan Hajah Nancy Shukri: *That's why, because if we stop up to Dr. Han who is not an expert, now why don't you call another expert in our case.*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Nancy Shukri: *So, that mean we have to cover ourselves with that kind of explanation.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Inilah 3.2 itu. Actually 3.2 answer thatkan? 3.2 is report by IAEA UK punya report.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *Jawatankuasa ini terms of referencenya ialah untuk memperakui scientific findings. I understand what you are saying. Kalau itu menjadi isunya, I think kita bersedia untuk berdebat dalam perbahasan. I rather have it there...*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Masa berbahas atau masa Menteri bentang?*

Tuan Pengerusi: *Selepas bentang, selepas itu tengoklah kalau dia bahas, dia bangkit, bangkit jawab...*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Lepas gulung?... But, we are preparedlah?*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *We are preparedlah.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *But, we can answer that it has nothing to do with health of environment problem. I think that is better.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *Because this paper will have to go by...*

Tuan Pengerusi: *It was Dr. Carmen yang bawa benda itu, dia kata in China it is no more recycling because it is dangerous. Jadi, sekarang kita kata we don't know definitely that recycling itu dangerous atau tidak. We don't know.*

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: *In fact Tuan Pengerusi, dia punya statement was, it is old fashion dia kata. He didn't say it was dangerous.*

Tuan Pengerusi: *Yang profesor...*

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: *Profesor, dia tidak cakap...*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *Then he also qualify himself isn't? "I'm also not an expert."*

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: *Yes.*

Tuan Pengerusi: *The most that we can get is verbatim dia punya ucapan masa dekat itu kalau ada?*

Datuk Roosme binti Hamzah: *Ini ada Tuan Pengerusi. Kalau tengok dalam...*

Tuan Pengerusi: *Bukan Carmen, yang profesor expert itu, the expert.*

Beberapa Ahli: *Han.*

Tuan Pengerusi: *Siapa yang pergi ada tidak...*

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: *Dalam laporan akhbar.*

Tuan Pengerusi: *Laporan akhbar. What exactly he said...*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Actually, we have the answer. Ada dekat 3.2 ini. Dekat 3.2 the answer of his sampling.*

Datuk Roosme binti Hamzah: Minta Pengajian Tinggi semak yang Han itu? Han punya *statement*.

Dato' Zulkifli bin Noordin: *I think Yang Berhormat Kota Belud punya suggestion itu very good, kalau raise masa bahas, then we have the answer of recycling is acceptable...*

Tuan Pengerusi: *Internationally.*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *In order to answer Profesor Han itu, whatever it is. Satu, dia not an expert. Kedua, it has nothing to do with health or environmental problem.*

Tuan Pengerusi: Itulah kenyataannya yang masa dia itu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Yang kata dia bukan *expert* itu, dia sendiri yang cakap.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Dia sendiri yang cakap. So, kita masa bahaslah. *If they raise it.*

Tuan Pengerusi: Boleh saya *conclude*?

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Boleh tidak satu, *just very quick. I don't know whether you want to include this* Tuan Pengerusi. *I actually...*

Datuk Roosme binti Hamzah: Muka surat berapa Yang Berhormat?

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Tidak ada, ini semua pemerhatian saya. Hari itu saya hendak SMS tetapi sudah lambat. Saya kira salah satu cara untuk hendak ini ialah dengan mengatakan bahawa *expert* ada membawa torium itu ke dalam Dewan, dekat universiti ya?

Seorang Ahli: UMP.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Di UMP, di mana dia bawa torium itu, dia letak dekat sana. *I mean, that is how safe it is walaupun bacaannya ada, dia letak reader itu tetapi that to me that was very-very strong...*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Dr. Looi punya *report* itu, dalam gambar itu, dia pegang lagi *that* bola itu, *whatever you call*. Itu dekat sini. Akan tetapi itu gambar dia. *But, that one* dalam perbahasan pun tidak apa.

Tuan Pengerusi: Okey, kalau tidak ada apa-apa kita *based on* kalau...

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah: *Thank you* Tuan Pengerusi. *Just to request the permission from Ahli-ahli Yang Berhormat, if you could allowed us to go through the document line by line to make sure that AELB proposals have been incorporated. But not here, but on our own when we go selepas ini because...*

Datuk Roosme binti Hamzah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Noorhasnah binti Mohamed Khairullah: ... *With the Secretariat, thank you.*

Datuk Roosme binti Hamzah: *When we sat together, ada perkara-perkara yang kita minta AELB update, mungkin selepas ini.*

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: Tuan Pengerusi, *including the new amendments* yang kita masukkan dokumen IAEA *and then the actual name of the class A milling license to* dan sebagainya.

Datuk Roosme binti Hamzah: Saya *request everybody* Tuan Pengerusi, *from the agency before* kita *finalize*. *We have to be really* kemaslah tentang apa-apa yang kita sudah *update*, *because anything we update* dalam pandangan dan syor *have to be also reflected* dalam *everywhere*. Konsisten sahajalah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Dato' Raja, apa beza definisi TOL tadi dengan lesen yang disebut oleh Dato' Raja tadi itu.

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: *Legally it is not known as 'TOL'.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *You are using word 'TOL' here.*

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: *Yes, but we also qualify* kat depan itu *what TOL is all about*. Tapi in *the rumusan we would like to reiterate* balik *what TOL is*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Sebenarnya apa nama lesen tadi?

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: *It is class A – Perkilangan dan Pengoperasian Sementara*. Ada...

Datuk Roosme binti Hamzah: Tuan Pengerusi, *just to highlight* masa kita *introduce* at 7, *we introduce* as "*Lynas telah diberi kelulusan oleh AELB untuk lesen penempatan tapak dan lesen pembinaan, satu. Lesen pengendalian sementara (TOL) telah diluluskan pada 30 Januari 2012 sama ada...*" page 7. Page 7 *introduction to Lynas*.

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: *If that is the case, if you wish it is known as* kilang Kelas 'A' (Mengilang – Peringkat Pengendalian Sementara) atau *Temporary Operating License*. *Temporary Operating License* betul TOL tetapi yang Melayunya itu is Kelas 'A' (Mengilang – Peringkat Pengendalian Sementara).

Tuan Pengerusi: Dia sebab dalam media massa dan dari pandangan orang ramai memang sudah diberitahu TOL. So, nanti macam orang ingat Jawatankuasa ini syor satu lesen lain, sudah orang *spin* lagi. Itu sahaja.

So, kita pakai TOL tetapi kita boleh hendak letak dalam '*bracket*'. So, *everybody understand it is temporary. The word is temporary*. Jangan bagi mereka *spin*.

Datuk Roosme binti Hamzah: Tuan Pengerusi, kita *introduce* di *page 7*, then kita *search everywhere* yang mana ada keluar ini, kita *updated*lah *with class A*.

Tuan Pengerusi: Apabila dirujuk pada TOL, faham-fahamlah apa yang dimaksudkan itu.

Datuk Roosme binti Hamzah: *I do need assistance from all agencies again to stay back* bagi kita hendak kemas kinilah segala perkara-perkara yang telah kita...

Tuan Pengerusi: Kalau ada perkara-perkara *fundamental* beritahu sayalah, *because* ini sudah hendak bawa ke makluman ke Kabinet.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Cuma lagi satu, ada tidak dekat mana-mana dalam ini *explain rare earth* ini mengeluarkan radiasi alpha?

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: Tidak ada... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Zulkifli bin Noordin: Ini yang jadi isu ini.

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: Torium sahaja.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Dia keluarkan radiasi apa?

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: Alpha.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Ada *anywhere* tidak *explain* itu?

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: Tidak ada.

Datuk Roosme binti Hamzah: Yang itu tidak ada sebut dekat keradioaktifan itu, tidak ada ya?

Dato' Zulkifli bin Noordin: Saya ingat kalau ada bagus juga itu. *Because* ada beza, beza dia besar itu? Sinaran alpha, sinaran beta dengan *gamma*.

Tuan Pengerusi: *The most we said is that* ini adalah *naturally occurring* (NORM) radioaktif...

Dato' Zulkifli bin Noordin: *Because* dari segi kesan ada bezakan Dato' Raja?

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: Ada.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Ada itu. *Because* orang dengar radioaktif itu dia ingat semua sama.

Tuan Pengerusi: Itu sebabnya bila saya tanya *what is the difference between* itu, yang itu hari kita ada cakap suruh jelaskan sikit.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Kalau boleh letak kat mana-mana, *at least* kita boleh rujuk, kalau ada bahas nanti kita boleh rujuk.

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: Tuan Pengerusi, *if I may. I will add in as a footnote rather than I...*

Dato' Zulkifli bin Noordin: *At least explain...*

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: *Then I will say thorium* ini mengeluarkan *radiation alpha*.

Dato' Zulkifli bin Noordin: *So, rare earth* ini tidak mengeluarkan radiasi. Yang keluarkan radiasi masa proses, torium itu.

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: Torium itu.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Selepas proses.

Tuan Pengerusi: *Rare earth* apabila proses keluar torium.

Raja Dato' Abdul Aziz bin Raja Adnan: Bukan, di dalam bahan mentah itu memang ada torium. Cuma bila kita tarik keluar *rare earth* itu yang tertinggal itu torium sahaja.

■1300

Tuan Pengerusi: *Understood, understood.*

Datuk Roosme binti Hamzah: Akan tetapi di bawah pemantauan kekuatan sinaran mengion keradioaktifan kita ada *introduce* NORM, kita ada *introduce* uranium, torium *maybe that partah*. *Even* itu pun kita sudah letakkan *foot note* pada muka surat 24. Yang Berhormat tengok yang ini mungkin kalau AELB hendak tambah lagi di sinilah kot.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Jadi saya ingat kalau boleh ada *explain somewhere*. Torium ini torium apa.

Seorang Ahli: 232.

Dato' Zulkifli bin Noordin: 232 yang bahayanya. Ada yang bahaya lagi. Ini semua orang tidak tahu ini.

Tuan Pengerusi: Dalam 2.1 itulah.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Selepas itu radiasi dia radiasi Alpha bukan Gama.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *I just trying to be technical a little bit*. Hari itu saya ada terdengar satu salah seorang pembentang saksi itu mengatakan radiasi itu hanya lebih kurang beberapa inci sahaja daripada produk. *Is that right?*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Cuma dia menceritakan sifat Alpha ini *with that kind of energy* dia hanya dapat *travel 2 to 3 centimeters in the air and then its stop*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *So, in other words* maknanya kalau torium itu ini, kalau saya berdiri satu kaki daripada torium itu radiasi itu tidak sampai.

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Tidak sampai.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *Only when I touch it, when I aperiodically...*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *Infect* kalau dia di dalam gelas ini, plastik ini sudah *stop it*.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: *That's a very good point. Is only 2 to 3 centimeters*. Maknanya kalau you tengok *this* kaki, *one* kaki away *nothing*.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Itu yang Yang Berhormat itu kalau you dekat pagar itukan ada. *Unless...*

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *In other one* Dr. Looi kata itu bila you makan *residue* Lynas ini you makan *together with* tanah liat. Selagi dia ada tanah liat, dia tidak akan lepas tanah liat itu. Dia sayang betul dengan tanah liat ini. Jadi kalau tanah liat itu tidak masuk ke dalam sistem you, torium ini akan *stay with* tanah liat. Dia memang janji mati dengan tanah liat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Kalau kata, kalau you hendak sakit you kena makan berapa kilogram?

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: 3 kilo.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Berapa?

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: 30 lebih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: 30 *practically*.

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Ya. *And* hidu pun sama. 30...

Seorang Ahli: 3.4.

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: 33.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: 3.4 kilogram *worth of thorium*.

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: Debulah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Kalau makan? Sakit perut dululah?

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: 3.4 kilogram.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Itu untuk...

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *Which contains 5.58 gram sebenarnya. The 3.4 kilogram for the sisa contains 5.58 gram. It is in 5.9 page 33. And then cancer itu menjelma sampai 30 tahun.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Ini kita mengambil maklum kita tidak *this particular point* kita mengambil maklum sahaja. *It is scientifically proven?*

Tuan Pengerusi: *We take note of the scientific fact because* kita tidak ada syor apa-apa...
[Ketawa]

Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan: *This is a medical punya finding* sebenarnya. *This is medical punya finding.*

Tuan Pengerusi: Benda itu memang itu. Takkan kita hendak syorkan orang makan...
[Ketawa]

Seorang Ahli: Saya syorkan Tuan Pengerusi akan makan.

Dato' Zulkifli bin Noordin: Jawatankuasa syorkan *that is* Yang Berhormat makan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Yang itu ini *functional* dalam *statement*. Nanti mati saya kena dengan Fuziah lagi nanti.

Tuan Pengerusi: Okey. *Everybody satisfied? So,* tidak ada apa seperti saya kata kita tahu bahawa lepas ini akan disambung oleh pegawai-pegawai untuk dimurnikan lagi. Kalau ada substantif fundamental itu kena maklum kepada saya. Jadi kita akan jumpa untuk 18 hari bulan sama ada tengah hari ataupun malam untuk taklimat. Semua diminta untuk bersama juga pada 19 apabila bahas bermula pukul 11.30 pagi. Kita punya *last day* tempoh Jawatankuasa. Okey, jadi sekali lagi saya hendak ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Dato' Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Selepas ini kita mungkin tidak ada *meeting* lagi. Jadi ini adalah meeting yang terakhir. Jadi saya hendak merakamkan penghargaan kepada setiap Ahli-ahli Yang Berhormat yang menjadi Ahli Jawatankuasa Khas kepada Setiausaha Dewan Rakyat Datuk Roosme selaku Setiausaha Jawatankuasa Khas.

Kepada pegawai-pegawai kakitangan Parlimen, kepada pegawai-pegawai daripada kementerian dan agensi kerajaan kita berharap semuanya akan berjalan baik semasa pembentangan.

Sekian, *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.06 petang.